

KESALAHAN - KESALAHAN

1. Tidak mempamerkan kupon yang dikeluarkan oleh Majlis atau semasa meletakkan kenderaan bermotor di dalam petak letak kereta berkupon;
2. Mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh;
3. Mempamerkan kupon letak kereta tanpa membuat penandaan yang betul;
4. Meletakkan kenderaan bermotor di tempat yang di khaskan untuk tujuan tertentu;
5. Mempamerkan kupon letak kereta di dalam kenderaan di mana kupon letak kereta tersebut tidak dapat dikenalpasti atau dilihat oleh Pembantu Penguatkuasa (Tempat Letak Kereta) semasa menjalankan pemeriksaan;
6. Meletakkan kenderaan bermotor di luar dari petak letak kereta di tempat letak kereta;
7. Kenderaan bermotor yang tidak mengikut arah lalulintas;
8. Berniaga di tempat letak kereta;
9. Meletakkan kenderaan bermotor yang menghalang pili bomba;
10. Meletakkan kenderaan bermotor di kawasan kaki lima / siar kaki;
11. Meletakkan kenderaan bermotor di tempat selain dari ditetapkan bagi jenis kenderaan itu;
12. Kupon yang dipinda atau diubah suai;
13. Menghalang petak letak kereta.

Kesalahan 1 - 3 : Denda RM20.00
Kesalahan 4 - 11 : Denda RM40.00
Kesalahan 12 - 13 : Denda RM100.00

DENDA

Di mana kesalahan-kesalahan di atas boleh disabitkan, didenda tidak lebih daripada RM300.00 dan apa-apa kos yang berhubung dan perlu dibayar seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 57, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Bandaraya Ipoh) 2005.

PERMOHONAN

Borang-borang permohonan boleh dimuat turun dari Laman Web MBI www.mbi.gov.my atau boleh diperolehi di Unit Letak Kereta, Jalan Bandar, Ipoh.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Unit Letak Kereta,
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Bandar, 30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05 - 208 3141

HOTLINE MBI

05-255 1515

* Pindaan dan perubahan apa-apa perkara di atas adalah tertakluk kepada kelulusan semasa oleh Majlis

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH
HAKCIPTA TERPELIHARA

SISTEM PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA MAJLIS BANDARAYA IPOH



IPOH BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN

PENGENALAN

Unit Letak Kereta adalah bertanggungjawab mengendali dan menguruskan bayaran tempat letak kereta awam dalam kawasan Majlis Bandaraya Ipoh.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) memberi kuasa kepada Majlis Bandaraya Ipoh untuk mengutip bayaran dan mengawal tempat-tempat letak kereta di kawasannya bertujuan seperti berikut:

TUJUAN

- Mewujudkan keselesaan dan kemudahan kepada orang ramai untuk meletakkan kereta;
- Mengawal perletakan kereta-kereta supaya tersusun dan tidak mengganggu lalulintas.

SISTEM LETAK KERETA YANG DIGUNAKAN

i) SISTEM KUPON

MBI melaksanakan sistem letak kereta berkupon mulai 1 September 2006.

Kawasan operasi adalah kawasan letak kereta di sekitar Bandaraya Ipoh yang telah dipasang dengan papan tanda pemberitahuan seperti di papan tanda.

PENGGUNAAN KUPON

Kupon letak kereta boleh didapati daripada ejen-ejen sah yang dilantik oleh MBI di seluruh kawasan MBI. Setiap ejen telah dibekalkan dengan papan tanda sebagai pengenalan.

Kupon juga dijual di ibu pejabat MBI di Greentown.



Jenis kadar bayaran

ii) PAS BULANAN

MBI telah mengeluarkan pas bulanan.

Pemilik pas bulanan boleh meletakkan kenderaan di semua tempat letak kereta awam MBI kecuali tempat letak kereta bertingkat.

Kadar pas bulanan adalah RM85.00 sebulan juga boleh didapati untuk tempoh sehingga 12 bulan.

Individu boleh mendapatkan Pas Bulanan di Kaunter Pas Bulanan, Pejabat MBI, Jalan Bandar, Ipoh.

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN

i) Petak Sementara

Warga kota boleh membuat permohonan untuk menyewa petak letak kereta untuk digunakan bagi kerja-kerja penambahbaikan kepada bangunan premis perniagaan/pejabat, upacara keagamaan dan upacara perasmian.

Sebarang aktiviti promosi atau perletakan barang tred/perniagaan tidak dibenarkan sama sekali.

Kadar - 1 petak @ 1 hari = RM6.30 sehari

Sewaan termasuk hari Ahad dan cuti umum.

ii) Tempat Letak Kereta Bertingkat Jalan Dato' Maharajalela

Warga kota yang bekerja di sekitar kawasan ini boleh membuat permohonan untuk menyewa petak letak kereta ini.

Kadar - Deposit = RM378.00

1 petak @ 3 bulan = RM378.00

= RM756.00

iii) Petak Khas

Warga kota boleh membuat permohonan untuk menyewa petak letak kereta di hadapan atau berhampiran premis perniagaan/pejabat untuk tujuan meletakkan kenderaan sendiri.

Tertakluk kepada kelulusan Y.Bhg. Datuk Bandar Ipoh.

Kadar - Kos penyelenggaraan = RM200.00

(kali pertama sahaja)

1 petak @ sebulan = RM150.00

- Jumlah bergantung kepada bilangan petak yang dipohon.

iv) Petak Kosongkan

Pemilik premis perniagaan aksesori, kedai tayar, hotel/rumah tumpangan dan syarikat letak kereta swasta boleh membuat permohonan untuk menyewa petak di hadapan premis untuk dijadikan laluan masuk/keluar.

Tertakluk kepada kelulusan Y.Bhg. Datuk Bandar Ipoh.

Kadar - Kos penyelenggaraan = RM200.00

(kali pertama sahaja)

1 petak @ setahun = RM756.00

- Jumlah bergantung kepada bilangan petak yang dipohon.

